

Promosi tarik kemasukan pelajar Vietnam

B. Horian
10/10/13

Kuala Terengganu: Delegasi Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) menyertai Promosi Pendidikan Malaysia 2013 di Ho Chi Minh, Vietnam, baru-baru ini, yang turut dijayakan 26 universiti dan kolej dari negara ini.

Penyertaan delegasi UniSZA diketuai Timbalan Naib Canselor, (Penyelidikan dan Inovasi), Prof Dr Ekhwan Toriman, menjadi platform menarik kemasukan pelajar Vietnam

untuk mengikuti program pengajian ditawarkan universiti itu.

Pendekatan terbaik

Perbincangan turut diadakan antara Ekhwani dan Pengarah Pusat Promosi Pendidikan Malaysia di Vietnam, Helmy Sulaiman, bagi mencari pendekatan terbaik menarik kemasukan lebih ramai pelajar negara itu ke Malaysia.

Ekhwan berkata, penyertaan UniSZA dalam pame-

ran itu adalah sebahagian inisiatif mempromosikan universiti berkenaan ke luar negara menerusi pendedahan berkaitan program akademik, kemudahan dan kelebihan dimiliki.

Pameran itu secara keseluruhan berjaya menarik pengunjung, khususnya pelajar sekolah tahun akhir, penuntut universiti dan golongan profesional di Vietnam mendapatkan maklumat berkaitan peluang pengajian di Malaysia.



Pegawai UniSZA memberi penerangan kepada sebahagian daripada pengunjung pameran di Ho Chi Minh.